



(FOTO HIASAN)

Kebanyakan wanita kini berpendidikan tinggi mampu memberi sumbangan kepada negara.

Info

Wanita dan kerjaya di negara membangun

- Indonesia (50.8 peratus)
- Thailand (70 peratus)
- Brunei (61.2 peratus)
- Singapura (60.2 peratus)

Wanita dan kerjaya di negara maju

- Denmark (76.1 peratus)
- Jerman (70.8 peratus)
- Jepun (62.6 peratus)

Wujud kuota lantik wanita dalam pengurusan syarikat



Saya melihat kuat kuasa akta antara cara boleh dilakukan untuk kita mendidik dan menerima wanita dalam bahagian pengurusan syarikat. Pada masa sama, pihak pengurusan syarikat perlu ada polisi yang jelas mengenai kesamaan peluang dalam kenaikan pangkat"

Rashila Ramli
Penolong Setiausaha Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita

➔ Kuat kuasa undang-undang pelaksanaan dasar 30 peratus

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**
afzan@bh.com.my

► Bangi

Melaksanakan undang-undang atau membangunkan akta terhadap syarikat, antara langkah boleh dilakukan bagi menggalak wanita dilantik ke kerusi pengurusan, khususnya dalam syarikat swasta, sekali gus penuhi usaha melantik 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan.

Penolong Setiausaha Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Datuk Prof Dr Rashila Ramli, berkata tindakan berkenaan bukan sesuatu yang pelik, lantaran diguna pakai di negara maju, bagi membolehkan ia menjadi suatu 'mandatori' kepada syarikat.

Katanya, penguatkuasaan akta yang meliputi insentif untuk syarikat mencapai lebih dari sasaran dan juga tindakan undang-undang bagi syarikat yang tidak memenuhinya peraturan untuk mengangkat wanita ke bahagian pengurusan syarikat, sudah la-

ma dilakukan negara maju seperti Finland, Perancis dan Norway.

"Usaha dilakukan negara berkenaan, sejak beberapa tahun lalu, hingga kini terbukti bukan sahaja berjaya meningkatkan pembabitan wanita pada peringkat pembuat dasar, tetapi juga mengekalkan sekurang-kurangnya 30 peratus jumlah mereka dalam pengurusan dan pentadbiran syarikat," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian, mengulas mengenai perkembangan wanita sebagai pembuat keputusan dan penerimaan syarikat, khususnya dalam sektor swasta yang dilihat masih lagi kurang membanggakan.

Inisiatif galak wanita dilantik pada peringkat pengurusan

Berbanding sektor awam, peratus berkenaan berjaya dicapai, tetapi dalam syarikat swasta hingga kini kurang memberangsangkan sungguhpun kerajaan memperuntukkan beberapa inisiatif menggalakkan pengambilan wanita pada peringkat pengurusan kanan syarikat.

Rashila, yang juga Pengarah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), merangkap Felo Bersekutu di Pusat Kepimpinan Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata sungguhpun penguatkuasaan akta dilihat tegas, ia sebenarnya pe-

mangkin dalam mewujudkan kesedaran mengenai peranan wanita.

"Akta boleh menjadi pemangkin dan boleh merealisasikan penetapan dasar yang dibuat kerajaan. Jika akta tidak diwujudkan, kita hanya boleh menggalakkan sahaja syarikat mengangkat wanita ke jawatan pengurusan menerusi pemberian insentif seperti dipraktikkan hari ini.

"Bagaimanapun, akta yang dicadangkan ini tidak semesti kekal. Ia mungkin boleh dikuatkuasakan untuk tempoh tertentu," katanya.

Rashila berkata, isu yang sudah berlarutan beberapa tahun lalu itu juga berkait rapat dengan tanggapan salah mengenai isu jantina.

"Isu mengenai kenaikan pangkat, bukan masalah jantina, sebaliknya keadilan terhadap bakat individu. Saya melihat kuat kuasa akta antara cara boleh dilakukan sebagai cara untuk kita mendidik dan menerima wanita dalam bahagian pengurusan syarikat. Pada masa sama, pihak pengurusan syarikat perlu ada polisi nyata dan jelas mengenai kesamaan peluang dalam kenaikan pangkat," katanya.

Beliau berkata, keperluan mewujudkan akta dilihat semakin mendesak, memandangkan kewibawaan wanita negara ini semakin terserlah dengan 70 peratus wanita melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, tetapi

hanya 50 peratus menyertai sektor pekerjaan.

Manfaat kepakaran wanita

"Kecirisan wanita ini dipercayai kerana mereka meninggalkan sektor pekerjaan yang tidak menjanjikan kepuasan termasuk peluang kenaikan pangkat yang tipis dan cara kerja tidak anjal.

"Menurut kajian, sebuah syarikat yang mempunyai suasana mesra pekerja terutama wanita, boleh meningkatkan produktiviti syarikat dan lebih disegani pada peringkat antarabangsa. Kebanyakan wanita di negara ini berpendidikan tinggi, mampu memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dan cukup merugikan jika mereka tidak diberikan peluang pada peringkat lebih tinggi," katanya.

Penetapan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pembabitan wanita pada peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan korporat adalah antara inisiatif kerajaan dalam memartabatkan wanita di negara ini.

Ini penting supaya kepakaran dan potensi wanita dimanfaatkan sepenuhnya dalam menyumbang kepada transformasi negara ke arah negara maju.

Statistik terkini menunjukkan, 48.3 peratus atau 15.3 juta populasi di negara ini adalah wanita iaitu hampir separuh daripada sejumlah 31.7 juta penduduk di Malaysia.